

PELAKSANAAN AKTIVITI MAIN BEBAS DI TADIKA: PERANAN DAN CABARAN GURU

Implementation of Free Play Activities in Kindergartens: The Role and Challenges of Teachers

Shafira Shaqiera Drani^{1*}, Noor Hanim Harun², Muhammad Safar Abdurahman³, Nurul Nafisah Zailani⁴, Muhammad Nazli Razali⁵

^{1,2,3,4,5}Department of Early Childhood Studies, Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor, Bestari Jaya, Selangor, Malaysia

shaqiera@unisel.edu.my¹, noorhanim@unisel.edu.my², m.safar07@unisel.edu.my³, nafisahzailani@gmail.com⁴, nazlimuhammad163@gmail.com⁵

*Corresponding Author

Published: 02 December 2024

To cite this article (APA): Drani, S. S., Harun, N. H., Abdurahman, M. S., Zailani, N. N., & Razali, M. N. (2024). Implementation of Free Play Activities in Kindergartens: The Role and Challenges of Teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(2), 82–91. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.8.2024>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan dan cabaran guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas di tadika. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik diedarkan melalui aplikasi *Google Form* melibatkan seramai 108 orang responden yang terdiri daripada kalangan guru tadika di negeri Selangor. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 26. Dapatan menunjukkan bahawa guru paling banyak berperanan sebagai pemerhati semasa pelaksanaan aktiviti main bebas dengan nilai min sebanyak 4.13 ($sp=0.948$). Manakala dalam aspek cabaran dapatan menunjukkan guru tidak menghadapi cabaran yang ketara dengan nilai purata min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 2.93 ($sp=0.688$). Kajian ini memberi gambaran bahawa guru tadika di negeri Selangor mempunyai kompetensi yang baik dalam mengendalikan aktiviti main bebas sebagai salah satu bidang pembelajaran yang diperuntukkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Justeru, guru perlu memanfaatkan aktiviti main bebas sebagai medium penting dalam menyediakan ruang bagi memenuhi fitrah semulajadi kanak-kanak di samping membantu menyokong perkembangan mereka.

Keywords: main bebas, tadika, peranan, cabaran

ABSTRACT

This study aims to identify teachers' roles and challenges in implementing free play activities in kindergartens. This study is a quantitative survey with a questionnaire as the research tool. The questionnaire was disseminated via Google Forms and involved 108 respondents, including kindergarten teachers in Selangor. Data were analyzed descriptively using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26. The findings indicate that teachers mostly take on the role of an observer while implementing free play activities, with a mean score of 4.13 ($sd = 0.948$). In terms of challenges, the results show that teachers do not face significant challenges, with an overall mean score at a moderate level of 2.93 ($sd=0.688$). This study illustrates that kindergarten teachers in Selangor possess good competencies in managing free play activities as one of the learning areas allocated in the National Preschool Standard Curriculum (KSPK). Therefore, teachers need to leverage free play

activities as an important medium to provide space for fulfilling children's natural tendencies while also helping to support their development.

Keywords: *free play, kindergarten, role, challenge*

PENGENALAN

Bermain adalah fitrah semula jadi dan keperluan bagi setiap kanak-kanak. Bermain adalah hak atau rutin harian yang perlu diberikan oleh ibu bapa. Malah guru pendidikan awal kanak-kanak, pengasuh taska dan juga masyarakat umum harus memainkan peranan dalam usaha membantu kanak-kanak mendapatkan hak mereka (Mariani Md Nor et. al, 2014). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), telah menghasilkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang memberi penekanan terhadap pendekatan belajar melalui bermain dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di tadika. Selain itu, aktiviti main bebas turut diberi peruntukan masa selama 60 minit seminggu iaitu bersamaan dengan 20 minit bagi setiap slot dan perlu dilaksanakan sebanyak 3 kali seminggu (KSPK Semakan 2017).

Main bebas memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan secara bebas tentang apa, bila dan bagaimana untuk bermain. Mereka juga bebas untuk menentukan peraturan dan peranan semasa bermain. Banyak faedah kepada pembelajaran murid dari segi fizikal, emosi, kognitif dan kemahiran sosial semasa main bebas. Selain murid menikmati kegembiraan, murid juga belajar cara berinteraksi dan berunding dengan berkesan; berkongsi dan bekerjasama dengan orang lain; serta kemahiran menyelesaikan masalah (KSPK Semakan 2017).

Semasa main bebas, guru perlu berperanan sebagai perancang, fasilitator, *play partner* dan pemerhati. Guru juga perlu bijak menyediakan persekitaran supaya main bebas adalah berkesan dan bermakna. Menurut Norliyana Nordin dan Suziyani Mohamed (2023), kebanyakan guru tidak melaksanakan aktiviti main bebas dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana guru perlu mengikut kehendak ibu bapa yang lebih menekankan pencapaian dari segi akademik dan menganggap bermain adalah kurang penting serta membuang masa bagi kanak-kanak. Dalam waktu yang sama, terdapat juga segelintir guru yang terlalu fokus dengan silibus akademik dan sibuk dengan menyediakan konsep persekolahan formal kepada murid. Hal ini juga kerana mereka kurang diberikan pendedahan dengan pendekatan ini (Thivasenikumari Viswanathan & Mohd Nazri, 2024).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan dan cabaran guru dalam pelaksanaan main bebas di tadika. Dalam aspek peranan, tinjauan dilakukan untuk mengenal pasti peranan yang paling banyak dilakukan oleh guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas seperti yang dicadangkan dalam KSPK iaitu sama ada sebagai perancang, fasilitator, *play partner* dan pemerhati. Manakala dalam aspek cabaran pula, tinjauan dilakukan untuk mengenal pasti cabaran guru dalam pelaksanaan aktiviti main bebas dari segi kompetensi, persekitaran serta sokongan pentadbir, ibu bapa dan masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik diedar melalui aplikasi *Google Form* melibatkan seramai 108 orang guru tadika sebagai responden kajian. Pemilihan responden kajian adalah secara rawak bebas melibatkan guru-guru tadika di seluruh negeri Selangor. Oleh kerana kajian ini tidak meletakkan kriteria yang khusus dalam penentuan kelayakan sebagai responden, maka semua guru tadika di seluruh negeri Selangor boleh terlibat sebagai responden atas dasar sukarela.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26. Statistik deskriptif dijalankan bagi menganalisis data dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Skala interpretasi min adalah berdasarkan jadual berikut:

Jadual 1
Tahap skor min

Tahap	Interpretasi
3.68 – 5.00	Tinggi
2.34 – 3.67	Sederhana
1.00 – 2.33	Rendah

Sumber: Diadaptasi daripada Jamil (2002)

DAPATAN KAJIAN

Demografi responden

Data demografi responden diambil mengikut jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan jenis tadika tempat berkhidmat melibatkan seramai 108 orang responden.

Jadual 2
 Taburan demografi responden

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	6	5.6
	Perempuan	102	94.4
Kelayakan Akademik	SPM	25	23.1
	STPM/Dip.	36	33.3
	Ijazah Sarjana	41	38
	Muda	3	2.8
	Ijazah Sarjana Ph.D	3	2.8
Pengalaman Mengajar	< 5 tahun	59	54.6
	6 – 10 tahun	19	17.6
	11 – 15 tahun	14	13.0
	> 15 tahun	16	14.8
Jenis Tadika	Kerajaan	47	43.5
	Swasta	61	56.5
Jumlah		108	100

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan demografi responden kajian mengikut jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan jenis tadika. Hasil analisis data menunjukkan bilangan responden perempuan seramai 102 orang (94.4%) lebih banyak berbanding responden lelaki sebanyak 6 orang (5.65%). Responden yang memiliki kelayakan akademik Ijazah Sarjana iaitu 3 orang (2.8%) dan Ph.D iaitu 3 orang (2.8%) adalah paling kurang. Manakala responden dengan kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda pula adalah yang paling tinggi dengan kekerapan 41 orang (38%). Dari sudut pengalaman mengajar responden dengan pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun adalah paling sedikit iaitu sebanyak 14 orang (13%), manakala responden dengan pengalaman kurang dari lima tahun adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 59 orang (54.6%). Seterusnya responden dari tadika jenis kerajaan adalah paling rendah iaitu sebanyak 47 orang (43.5%), manakala responden dari tadika jenis swasta adalah majoriti iaitu sebanyak 61 orang (56.5%).

Analisis Peranan Guru Semasa Pelaksanaan Aktiviti Main Bebas

Peranan guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas dianalisis berdasarkan empat peranan iaitu sebagai perancang, fasilitator, *play partner* dan pemerhati.

Jadual 3

Peranan guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas

Konstruk	Item	Nilai Min	Nilai Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Peranan Guru	B1	3.94	0.878	Tinggi
	B2	4.05	0.869	Tinggi
	B3	4.05	0.813	Tinggi
	B4	4.13	0.984	Tinggi

Jadual 3 di atas menunjukkan peranan guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas. Hasil dapatan data menunjukkan item B4 iaitu “Saya berperanan sebagai pemerhati sewaktu aktiviti main bebas” memiliki nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.13 ($sp=0.984$). Sementara itu, item B1 iaitu “Saya berperanan sebagai perancang sewaktu aktiviti main bebas” mencatatkan nilai min terendah iaitu sebanyak 3.94 ($sp=0.878$). Walau bagaimanapun, secara keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa responden berperanan aktif semasa pelaksanaan aktiviti main bebas dijalankan dengan keempat-empat item peranan menunjukkan nilai min berada pada tahap tinggi.

Berdasarkan dapatan di atas, dapat diuraikan bahawa peranan guru yang paling utama iaitu sebagai pemerhati diikuti sebagai fasilitator dan *play partner* dan paling minimum sebagai perancang. Peranan sebagai pemerhati sememangnya amat penting kerana guru perlu memastikan keselamatan sebelum, semasa dan selepas aktiviti main bebas dilaksanakan. Melalui pemerhatian juga guru dapat menjalankan pentaksiran perkembangan kanak-kanak dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor. Dalam menjalankan pemerhatian, guru hanya perlu memastikan main bebas berlaku dalam suasana semulajadi tanpa perlu terlibat secara langsung.

Analisis Cabaran Guru Dalam Pelaksanaan Aktiviti Main Bebas

Jadual 4

Cabaran guru dalam pelaksanaan aktiviti main bebas

Konstruk	Item	Nilai Min	Nilai Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Kompetensi	C1	2.61	1.172	Sederhana
	C2	2.59	1.027	Sederhana
	C3	2.74	1.173	Sederhana
	C4	2.55	1.123	Sederhana
	C5	2.22	1.027	Rendah
	C6	2.46	1.147	Sederhana
	C7	2.55	1.180	Sederhana

bersambung

Persekitaran	C8	2.62	0.978	Sederhana
	C9	2.45	1.232	Sederhana
	C10	2.54	1.160	Sederhana
	C11	2.99	1.106	Sederhana
	C12	2.97	1.172	Sederhana
	C13	3.23	1.027	Sederhana
	C14	3.31	1.173	Sederhana
Sokongan pentadbir, ibu bapa dan masyarakat	C15	3.55	1.123	Sederhana
	C16	3.44	1.027	Sederhana
	C17	2.81	1.147	Sederhana
	C18	3.84	1.180	Tinggi
	C19	2.84	0.978	Sederhana
	C20	3.33	1.232	Sederhana
	C21	3.83	1.160	Tinggi
Nilai Min Keseluruhan		2.93	0.688	Sederhana

Jadual 4 di atas menunjukkan terdapat tiga konstruk taburan cabaran guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas. Hasil dapatan bagi konstruk pertama adalah cabaran guru dari aspek kompetensi. Nilai min tertinggi diwakili oleh item C3 iaitu “Tidak memperoleh kursus berkaitan slot main bebas” dengan nilai min 2.74 ($sp=1.173$), manakala nilai min terendah ditunjukkan pada konstruk kompetensi melalui item C5 iaitu “Tidak memberi peluang kepada kanak-kanak meneroka permainan dan persekitaran mereka” dengan nilai min 2.22 ($sp=1.027$). Hal ini menunjukkan bahawa guru menunjukkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan aktiviti main bebas dengan memberi kebebasan kepada kanak-kanak untuk melakukan penerokaan.

Hasil dapatan kajian bagi konstruk kedua cabaran guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas dari aspek persekitaran menunjukkan nilai min tertinggi adalah bagi item C14 iaitu “Peruntukan wang yang tidak mencukupi untuk menyelenggara dan membesar ruang aktiviti” dengan nilai min sebanyak 3.31 ($sp=1.173$). Sebaliknya item yang terendah ialah item C9 iaitu “Tidak mahir mengawal murid semasa slot main bebas” dengan nilai min 2.45 ($sp=1.232$). Sehubungan itu, dapat dijelaskan bahawa kepentingan ruang bagi melaksanakan aktiviti main bebas adalah sangat penting dalam menyumbang kepada perkembangan murid yang lebih berkualiti.

Manakala hasil dapatan nilai min paling tinggi ditunjukkan pada konstruk sokongan pentadbir, ibu bapa dan masyarakat adalah melalui item C18 iaitu “Kecemerlangan kanak-kanak menjadi harapan pentadbir untuk nama baik tadika” dengan nilai min 3.84 ($sp=1.180$). Seterusnya nilai min terendah diwakili oleh item C17 iaitu “Tidak menerima sokongan penuh pentadbir bagi melaksanakan slot main bebas” dengan nilai min 2.81 ($sp=1.147$). Hal ini menunjukkan bahawa tadika lebih mengutamakan pencapaian akademik kanak-kanak khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) sebagai petunjuk kecemerlangan.

Analisis secara keseluruhan menunjukkan bahawa cabaran guru semasa pelaksanaan aktiviti main bebas adalah pada tahap yang sederhana dengan nilai min keseluruhan sebanyak 2.93 ($sp=0.688$). Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti main bebas boleh dijalankan mengikut peruntukkan waktu yang telah ditetapkan tanpa memberi bebanan yang tinggi kepada guru. Tambahan pula, aktiviti main bebas sememangnya bertujuan memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan secara bebas tentang apa, bila dan bagaimana untuk bermain tanpa campur tangan atau kawalan yang optimum oleh guru.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Analisis Peranan Guru Semasa Pelaksanaan Aktiviti Main Bebas

Dalam KSPK Semakan 2017 telah menggariskan empat peranan guru dalam aktiviti main bebas iaitu sebagai perancang, fasilitator, *play partner* dan pemerhati. Melalui analisis yang telah dijalankan, didapati secara keseluruhan guru dapat memainkan peranan yang sewajarnya semasa pelaksanaan aktiviti main bebas.

Dapatan menunjukkan peranan guru sebagai pemerhati memiliki nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.13. Hal ini menunjukkan bahawa semasa aktiviti main bebas dijalankan, guru lebih sesuai berperanan sebagai pemerhati berbanding peranan lain iaitu sebagai perancang, fasilitator atau *play partner*. Sebagai pemerhati, penglibatan guru adalah sangat minimum bagi memastikan kanak-kanak dapat melakukan aktiviti main bebas dengan cara yang sepatutnya. Menurut UNICEF Malaysia (2024), kanak-kanak mempunyai kebebasan sepenuhnya untuk bermain dengan apa cara sekalipun mengikut kemahuan mereka semasa permainan bebas. Kanak-kanak boleh memilih semua sekali dan mereka ada kebebasan untuk memilih bahan permainan, perkara yang mereka minat, bahkan mereka boleh pilih jalan cerita sendiri. Malah, sewaktu permainan bebas berlangsung, kanak-kanak boleh meluahkan diri mereka dengan cara yang mereka sendiri tentukan.

Menurut Pyle dan Daniels yang dipetik daripada Ahmed, S. et, al. (2023), pemerhatian yang rapi penting terhadap kanak-kanak semasa bermain dan kemudiannya membangunkan refleksi tentang ekspresi emosi mereka untuk memanfaatkan faedah permainan bebas. Semasa permainan bebas, kanak-kanak menggunakan masa berkenaan untuk menyampaikan perasaan mereka secara bebas melalui penglibatan bukan lisan yang mungkin kelihatan tidak relevan kepada orang luar. Justeru, peranan guru sebagai pemerhati ketika pelaksanaan aktiviti main bebas sangat penting kerana keprihatinan terhadap aktiviti kanak-kanak dan emosi yang mereka luahkan secara signifikan mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk berterusterang, berdikari mengekspresikan diri mereka secara bebas.

Seterusnya penglibatan guru sebagai fasilitator dan *play partner* menunjukkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.05. Guru sememangnya merupakan fasilitator di dalam kelas. Peranan ini lebih menonjol dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan belajar melalui bermain berbanding semasa main bebas. Sebagai fasilitator, guru harus memberi bimbingan, mendorong dan memantau aktiviti murid-murid sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa membiarkan kanak-kanak bermain mengikut rentak mereka sendiri. Namun, peranan guru sebagai fasilitator semasa aktiviti main bebas dilaksanakan kerana pilihan dibuat oleh kanak-kanak sendiri untuk menentukan jenis, masa, cara, peraturan dan peranan mereka. Menurut UNICEF Malaysia (2024), permainan bebas bertujuan untuk memupuk sikap berdikari dalam diri kanak-kanak. Justeru, dalam konteks ini guru boleh menyokong dan menggalakkan kanak-kanak untuk bermain dengan penuh keseronokan.

Peranan guru sebagai *play partner* pula boleh dijadikan sebagai medium untuk mengeratkan hubungan dengan kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya dibiarkan bermain sendiri, namun ini bukan bermaksud guru tidak boleh terlibat bersama. Guru boleh mengambil pendekatan dengan meminta kanak-kanak melakukan sendiri perkara yang boleh dilakukan dan selepas itu guru dan kanak-kanak melakukannya bersama-sama. Dengan mengambil pendekatan ini, guru dapat melibatkan diri sebagai *play partner* dengan kanak-kanak dalam pelbagai jenis aktiviti, pada masa yang sama kanak-kanak masih lagi bermain secara bebas. Menurut Rigby (2022), sebagai *play partner* orang dewasa perlu bertindak balas dan mengikut arahan kanak-kanak. Hal ini bermakna bahawa kanak-kanak boleh mengawal permainan tetapi menikmati pergaulan orang dewasa. Walaupun orang dewasa boleh membuat cadangan atau memberi sumber tambahan kepada permainan, orang dewasa perlu mengikut dan menyokong perkara yang kanak-kanak minati.

Analisis Cabaran Guru Dalam Pelaksanaan Aktiviti Main Bebas

Berdasarkan analisis secara keseluruhan menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan aktiviti main bebas berada pada tahap sederhana dalam aspek kompetensi, persekitaran serta sokongan pentadbir, ibu bapa dan masyarakat.

Cabaran guru yang paling tinggi dalam pelaksanaan aktiviti main bebas adalah dari aspek kecemerlangan kanak-kanak yang menjadi harapan pentadbir untuk nama baik tadika dan kesedaran masyarakat yang masih kurang terhadap kepentingan bermain bagi perkembangan kanak-kanak. Hal ini kerana, faktor keperluan semasa iaitu ibu bapa yang mementingkan kecemerlangan akademik kanak-kanak sering kali menjadi keutamaan guru. Hal ini disokong oleh Ili Raihana Abd Rashid dan Suziyani Mohamed (2023) yang menyatakan bahawa ibu bapa kurang cakna tentang pendekatan bermain dalam sesi pengajaran di prasekolah. Kebanyakan ibu bapa lebih mementingkan pembelajaran anak-anak iaitu dari segi akademik semata-mata. Hal ini selari dengan dapatan kajian lepas yang mana ibu bapa dilihat cenderung untuk melihat bermain sebagai sesuatu yang berharga, namun tidak setimpal dengan aspek kemahiran akademik dalam mendepani dunia masa kini. Oleh sebab itu, ibu bapa cenderung untuk melihat bermain hanya sebagai satu medium untuk pembelajaran dan perkembangan akademik kanak-kanak, dan bukannya sebagai elemen pembelajaran. Keadaan ini secara tidak sedar membuatkan ibu bapa tidak percaya bahawa bermain adalah satu elemen penting dalam mengembangkan kebolehan akademik kanak-kanak (Moon-Seo & Munsell, 2022).

Walaupun dapatan menunjukkan terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru, namun cabaran-cabaran berkenaan dilihat tidak menjejaskan secara langsung pelaksanaan aktiviti main bebas di tadika. Hal ini dibuktikan melalui dapatan yang menunjukkan hampir semua item dalam aspek cabaran melibatkan ketiga-tiga konstruk berada pada tahap sederhana dan rendah. Dalam hal ini, guru perlu sentiasa meningkatkan kompetensi mereka agar dapat menangani pelbagai cabaran yang timbul dengan berkesan. Hal ini selari dengan Norliyana Nordin dan Suziyani Mohamed (2023) yang berpendapat bahawa pelbagai isu dan cabaran perlu ditempuhi oleh guru dalam pelaksanaan permainan bebas. Perkara berkenaan tidak boleh dipandang remeh kerana aktiviti bermain adalah penting kepada kanak-kanak yang boleh merangsang perkembangan mereka dari segi fizikal, intelek, linguistik, emosi dan interaksi sosial.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti main bebas di tadika dapat dilaksanakan dengan baik seperti yang diperuntukkan dalam KSPK. Walaupun wujudnya cabaran, namun guru dilihat dapat mengatasinya dengan bijak dan tidak menghadapi kekangan yang tinggi dalam melaksanakannya. Dalam hal ini, semua pihak seharusnya melihat bahawa aktiviti main bebas merupakan medium penting dalam menyediakan ruang bagi memenuhi fitrah semulajadi kanak-kanak di samping membantu menyokong perkembangan mereka. Tambahan pula, slot aktiviti main bebas tidak memerlukan guru untuk membuat perancangan yang formal seperti bidang pembelajaran yang lain. Dalam konteks ini, peranan guru yang paling utama adalah menjadi pemerhati semasa aktiviti main bebas dijalankan. Guru tidak perlu terlibat secara langsung dalam permainan atau hanya perlu berperanan sebagai fasilitator dan *play partner* dengan penglibatan yang minimum selari dengan konsep *scaffolding*. Hal ini bagi memastikan aktiviti main bebas dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka dunia mereka dengan cara masing-masing. Manakala dari segi perancangan guru boleh berperanan dari segi menentukan waktu dan tempat yang sesuai untuk aktiviti main bebas dijalankan. Penyediaan bahan dan peralatan permainan juga tidak menjadi beban kepada guru kerana main bebas boleh dilaksanakan tanpa alat atau menggunakan bahan sedia ada di persekitaran.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua responden kajian yang telah menyumbang masa dan komitmen untuk terlibat dalam menjayakan kajian ini. Penghargaan juga kepada semua pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmed, S., Khan, D. S., & Mehmood, A. S. (2023). Let Them Play: A Systematic Review Investigating the Benefits of Free Play in Emotional Development of Children. *Academy of Education and Social Sciences Review*, 3(4), 509–520. <https://doi.org/10.48112/aessr.v3i4.660>
- Ili Raihana Abd Rashid & Suziyani Mohamed. (2023). Cabaran Guru Melaksanakan Pendekatan Bermain dalam PdP di Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(6), e002204. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2204>
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. (Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mariani Md Noor, Adelina Asmawi & Lau Poh Li (2014). *Memahami Main Dalam Dunia Kanak-Kanak*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Moon-Seo, S. K. & Munsell, S. E. (2022). Play as a medium for children's learning from parents' perspectives. *Educational Research: Theory and Practice*, 33(2), 23-31.
- Norliyana Nordin & Suziyani Mohamed (2023). The Challenge of Implementing Free Play in Preschool: Concept Paper. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. Open Access Journal. Doi: 10.6007/IJARPED/v12-i1/15714
- Rigby, D. (2022). Playful interactions. Being a play partner. <https://dawnrigby.com/blog/f/playful-interactions-being-a-play-partner>
- Thivasenikumari Viswanathan & Mohd Nazri (2024). The Role of Preschool Teachers in Enhancing Imaginative Free-Play Activities in Preschool. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 15 (1), 1-6
- UNICEF Malaysia (2024). Permainan Bebas: Apakah Manfaatnya dan Mengapa Ia Penting? <https://www.unicef.org/malaysia/stories/permainan-bebas-apakah-manfaatnya-dan-mengapa-ia-penting#:~:text=Permainan%20bebas%20dapat%20memberi%20peluang,kreatif%20dengan%20menggunakan%20imajinasi%20mereka>.
- Wan Nur Ainna Waheda Rozali, Nurulafzan Sa'ari & Raja Nurul Hafizah Raja Ismail (2023). Kesan main terhadap perkembangan kanak-kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 436– 445.